

BAB 27

تعدد الزوجات

POLIGAMI

27.1. PENDAHULUAN

Berbilang isteri atau disebut juga poligami adalah suatu perkara yang diakui oleh syariat Islam dan ia merupakan suatu keharusan kepada lelaki dengan suatu syarat yang sangat ketat.

Allah yang Maha Bijaksana mengatur makhluk-Nya serta sangat mengetahui keperluan dan kebajikannya. Ia mengharuskan berbilang isteri dengan beberapa ketentuan. Berbilang isteri ini merupakan suatu jalan penyelesaian yang dianjurkan oleh Islam dalam menghadapi beberapa perkara dan masalah yang berhubung dengan kebajikan dan pembelaan hidup seluruh ummat manusia terutama terhadap kaum wanita yang lemah dan kehilangan tempat pergantungan hidup mereka.

Keharusan berpoligami ini bukanlah suatu keharusan yang boleh dibuat sewenang-wenang tanpa ada suatu peraturan dan syarat yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Maha Suci Allah dan Maha Bijaksana Ia menetapkan sesuatu perkara dengan sempurnanya. Dalil keharusan berbilang isteri terkandung di dalam firman Allah s.w.t. maksudnya:

"Maka kahwinlah wanita-wanita yang kamu senangi, dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil (di antara isteri-isteri), maka (kahwinlah) seorang sahaja".

(An-Nisa': 3)

27.2. HIKMAT KEHARUSAN BERBILANG ISTERI

Antara hikmat-hikmat yang terkandung di dalam keharusan poligami ini ialah:-

1. Orang lelaki sentiasa di dalam menghadapi berbagai keadaan yang sangat mencabar di dalam hidupnya dan ia sentiasa berhadapan dengan kematian seperti peperangan, kemalangan dan lain-lainnya, maka dengan itu bilangan mereka akan segera berkurangan jika dibandingkan dengan kaum wanita. Oleh yang demikian jika ini berlaku maka akibatnya kaum wanita banyak yang tidak bersuami.
2. Jika sekiranya isteri tidak dapat melayani suaminya dengan sempurna dari segi keperluan nafsu jantina nya seperti isteri uzur, sakit dan sebagainya tidaklah suami akan melakukan perbuatan keji sekiranya dihadkan seorang isteri sahaja.
3. Allah yang Maha Bijaksana mengatur kehidupan makhluk-Nya ini dan Ia mengetahui segala keperluannya, Ia dengan rahmat-Nya yang melimpah telah memberi cara bagi mengatasi masalah itu iaitu diharuskan lelaki beristeri lebih dari seorang dan tidak lebih dari empat dengan syarat-syarat yang ditentukan-Nya.

27.3. SYARAT-SYARAT BERPOLIGAMI

Syarat-syarat yang dikehendaki supaya disempurnakan oleh lelaki yang berhajat kahwin lebih dari satu hendaklah ia berlaku adil. Berlaku adil itu ialah merangkumi beberapa perkara berikut:

1. Nafkah
2. Pakaian
3. Tempat tinggal (rumah)
4. Giliran
5. Kasih sayang

Keharusan berpogami ini adalah dengan syarat dapat berlaku adil sebagaimana yang dijelaskan oleh ayat di atas.

1. Adil dalam Memberi Nafkah.

Keadilan dalam memberi nafkah itu mengambil kira soal makan, minum dan sebagainya dalam keperluan hidup yang sesuai dan patut dengan keadaan persekitarannya, dan nafkah ini hendaklah diberi sama rata kepada semua isteri-isterinya, jika berlaku tidak sama rata maka suami telah melanggar ketentuan dan kewajipan Allah.

2. Adil dalam memberi pakaian.

Adil dalam pemberian pakaian hendaklah isteri-isteri diberikan pakaian dengan sama rata dari segi banyak dan mutu kain dan harganya.

3. Adil dalam Tempat Tinggal.

Begitu juga hendaklah adil dalam memberi tempat tinggal iaitu dengan menempatkan mereka dalam rumah yang sama taraf dan nilainya, ini termasuk juga alat-alat keperluan rumah. Haram meletakkan isteri-isteri di dalam sebuah rumah kecuali dengan keredaan mereka masing-masing.

4. Adil dalam pembahagian Giliran.

Berhubung dengan pembahagian giliran pula suami hendaklah mengatur giliran dengan betul dan sama banyak. Apabila suami berada pada giliran isterinya yang pertama haram ia pergi ke rumah isterinya yang lain kecuali dengan izin isteri yang dalam gilirannya, begitu juga ia tidak boleh pergi kecuali ia membayar ganti (qadha') kepada isteri yang ditinggalkan gilirannya itu. Dibolehkan pergi di siang hari sekadar menghantar keperluan hariannya dan sekiranya berlaku kecemasan seperti sakit kuat, kemalangan, kebakaran dan sebagainya tetapi tidak boleh (haram) sekiranya melakukan persetubuhan jimak.

Giliran itu sebaik-baiknya satu malam dan tidak lebih dari tiga malam, sebab lebih dari tiga malam adalah terlalu lama bagi seorang perempuan menunggu. Berlaku adil ini sangat dititikberatkan oleh Islam dan menjadi suatu kecacatan dan berdosa dalam poligami sekiranya berlaku adil ini tidak dapat dilakukan dengan sempurna dan mengikut ketentuan syarak.

5. Adil dalam Kasih Sayang.

Berhubung dengan perasaan kasih dan sayang yang tersemat di dalam hati seorang suami yang tidak dapat dibahagikan dengan sempurna adalah suatu kelemahan yang paling nyata untuk berlaku adil di kalangan isterinya. Kewajipan berlaku adil ini adalah tuntutan yang amat sukar dipenuhi oleh lelaki, oleh itu keharusan yang bersyaratkan adil ini merupakan suatu perkara yang tidak boleh dipandang sepi dan ringan oleh lelaki yang hendak berpoligami. Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda:

"Barang siapa yang beristeri dua, lalu ia cenderung kepada salah seorang antara keduanya (tidak adil), ia datang di hari kiamat badannya dalam keadaan senget".

(H.R.Abu Daud dan Tirmizi)

27.4. BILA SUAMI BERMUSAFIR

Apabila suami belayar atau pergi bermusafir maka hendaklah diundi di antara isteri-isteri yang akan mengikut sama dalam musafir itu. Dari 'Aisyah r.a. berkata:

"Adalah Rasulullah s.a.w. bila baginda hendak berjalan jauh diadakan undian antara isteri-isterinya. Yang mana di antara mereka menang dalam undian itu, dengannyalah baginda berjalan. Dan Ia membahagi waktu (giliran) bagi tiap-tiap orang isterinya, siangnya dan malamnya".

(H.R.Bukhari dan Muslim)

27.5. PERKAHWINAN YANG BARU

Seseorang yang baru berkahwin sekiranya isterinya masih gadis hendaklah bergaul selama tujuh malam dan jika sekiranya janda selama tiga malam sahaja. Giliran ini dikira pada malamnya bukan pada siangnya kecuali suami bekerja pada waktu malam maka yang dikira giliran adalah siang. Dari Anas r.a. katanya:

"Sebahagian sunnah Nabi s.a.w. ialah apabila seorang lelaki mengahwini seorang perawan sesudah yang janda, bolehlah ia tinggal padanya selama tujuh malam, dan apabila ia mengahwini yang janda, bolehlah ia tinggal selama tiga malam, dan seterusnya diadakan giliran".

(H.R.Bukhari dan Muslim)